

Medan Bahasa

Jangan Mendagangkan Bahasa Sendiri

“Kita sendiri pandai berpekik-pekik “Bahasa Jiwa Bangsa” akan tetapi sekiranya bahasa sudah dikacuk dicampur gaul hingga hilang ragi kemelayuannya, apalah hendak dimegahkan? Kasihan jasad yang empunya jiwa semacam itu!”. Kata penulis rencana ini, Encik Nukman Alimin, Terengganu. Penyunting.

(Oleh: Nukman Alimin)

(1) Perkembangan bahasa

Pada masa sekarang ini bahasa kita Melayu sudah hendak dijadikan bahasa kebangsaan negeri ini yakni bahasa kepada bangsanya. Dari sebab itu syukurlah saya dan patut pula saya puji usaha orang-orang yang bersusah payah dan berpenat jerih pada mengembangkannya. Hati saya pun rianglah sedikit demi melihatkan penulis-penulis Melayu bertambah dari sehari ke sehari. Makin bertambah umur saya, bertambah pula buku-buku di dalam persuratan Melayu serta pengajian anak-anak Melayu mengenainya.

Akan tetapi walau bagaimanapun tenang lenang air di tasik, ditiup angin beriak juga. Demikianlah halnya perasaan saya mengenai deraian (perjalanan) bahasa itu. Rupa-rupanya di dalam pada itu pun ada juga sejempit, kalau tidak segantang, yang berselisihan dengan kehendak atau matlamat saya dan penulis-penulis Melayu yang gugur dalam memperjuangkan bahasanya, bahasa Melayu.

Hal yang demikian itu, pada perasaan saya, tiada akan

berlaku jikalau sekiranya bahasa Melayu tidak dihanyutkan, dengan tiada berpedoman mengikut kehendak hati orang-orang yang berkuasa pada mengembangkannya. Tetapi apatah daya? Sebab orang memegang pada hulu senjata kita terpegang pada matanya. Salah-salah luka juga tangan.

Walaupun tulisan saya sudah tersiar di majalah ini bukan suatu kali, tetapi tujuannya tetap suatu juga. Barangkali saya akan ditanya mengapa maka saya kerap mengulang-ulang. Sebab hendak menunjukkan kepandaian sayakah? Atau hendak menunjukkan dakar¹ saya? Biarlah soalan-soalan itu saya jawab dengan madah seorang pujangga: “Sebab saya tiada tahan lagi melihatkan degilnya orang-orang yang saya beri keyakinan kepadanya.”

(2) Tiada puas-puas

Saya pun sedar. Bahawa kehidupan saya sehari-hari dan barang yang berlaku di keliling saya adalah menjadi

¹ Berani, cekal hati. (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007)

sebaik-baik pengajaran bagi saya. Pengetahuan saya masih cetek lagi, pemandangan saya belum luas lagi dan pengalaman saya pun belum banyak lagi. Saya suka melihat anak bangsa saya maju, fikirannya maju dan bahasanya, iaitu bahasa saya juga, berkembang ke seluruh alam Melayu ini dan menjadi bahasa perantaraan. Sebab itulah dengan hati yang tulus ikhlas saya cuba memberi teguran pada mana-mana yang tidak kena dan sumbang, bukan sengaja saya mencari-cari lantai berjungkit. Jika dengan izin Allah, Tuhan yang lebih berkuasa daripada saya, saya tidak

akan berganjak barang setapak pun daripada perdirian saya pada menegakkan kebenaran.

Saya pun tahu bahawa manusia itu nafsunya tidak merasa puas-puas. Maka benarlah seperti kata Tuan Hamka di dalam bukunya “Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck” iaitu:

“Nikmat Ilahi ada di sekeliling tiap-tiap insan, ada di dusun, di kota, ada di gunung dan ada di lurah, ada di daratan dan ada di lautan. Tetapi nafsu manusia tiada merasa puas, atau tidak ingat nikmat yang di kelilingnya itu, dia hanya meihat kekurangannya, yang sentiasa



Suatu pemandangan dalam majlis Seminar Pemuda seluruh daerah Melayu Raya, yang telah berlangsung di Maktab

Perguruan Bahasa, Kuala Lumpur, baharu-baharu ini. Gambar menunjukkan Timbalan Perdana Menteri Persekutuan

Tanah Melayu, Tun Abdul Razak bin Hussein sedang berucap dalam upacara pembukaan persidangan tersebut.

diperhatikannya ialah nikmat yang ada di tempat lain, dan yang di tangan orang lain. Kelak kalau dia ada kesempatan pindah ke tempat yang dilihatnya itu, dia menyesal dan dia teringat pulang, iaitu pada hari yang tiada berguna padanya penyesalan lagi

Boleh jadi dari sebab itulah manusia berasa puas duduk di dalam rumahnya sehari-harian, melihat muka keluarganya sehari-harian, mengerjakan kerja yang sama dan menerima gaji yang sama sehari-harian. Muka yang dilihat beberapa tahun yang lalu pun muka itulah. Kerja yang dibuatnya beberapa lama pun kerja itulah. Dia ingin pula keluar dari rumahnya, berjumpa dengan rakan-rakannya, istimewa pula dengan orang yang sudah lama ia tiada bertemu.

Barangkali juga dari sebab itulah maka jikalau ia sudah lama berpisah dengan ahlinya, rasa kasih sayang di antara kedua pihak itu sudah erat pula. Hairan, kasihnya dahulu – sebelum ia berpisah – pada perasaannya sudah lain pula dengan kasihnya sekarang tetapi mengikut adat dunia yang fana ini lama-kelamaan rasa itu pun pucat pudarlah kembali menjadi seperti sediakala, pudarnya warna pada pakaian sebab sudah lama dipakai.

Cubalah kita fikir. Andai kata seorang pengarang yang sedang menulis suatu citra atau hikayat. Apabila sudah siap lalu dibacanya. Sekali, dua kali, dia membaca maka pada perasaannya sedap sungguh bunyi susunan kata di dalamnya, elok sungguh buah fikiran yang terkandung di dalamnya, daripada peri umpamaan dan metia bahasa serta pantun syairnya. Tetapi manakala berulang kali dibacanya, dipindanya di mana-mana yang difikirkan tiada munasabah dimasuk, maka haruslah timbul was-was di dalam hatinya: Tinggikah nilai karanganku

ini? Apa pula kata orang terhadap kepadanya?

Haruslah timbul pula perasaan puasnya, jemu jelaknya terhadap karangannya itu. Mungkin dikoyak-koyaknya atau dicampak ke bakul sampah. Jadi, harapannya pun putuslah, cita-citanya pun lenyaplah. Yang demikian itu kerap berlaku kepada seorang penulis, istimewa pula yang baharu muncul ke alam persuratan dan melangkah setapak demi setapak seperti kanak-kanak yang belajar bertatih.

(3) Bahasa berubah

Kalau selera kita manusia lagi merasa puas, inikan pula perasaan hati. Kali ini mahu makan ikan, lain kali harus lauk daging pula. Begitu juga seseorang itu dengan bahasanya. Dia pun harus merasa puas juga dengan bahasanya terkadang-kadang sebab itu gaya atau lenggang bahasanya tiada sunyi daripada mengalami perubahan. Puas dia menggunakan perkataan “lebih kurang” dibalik-balikkannya jadi “kurang lebih”. Puas dia memakai perkataan “memakan belanja” ditukarnya jadi “menelan belanja” kadang-kadang sebab ia hendak menunjukkan dirinya pelik daripada orang, kadang-kadang sebab ia hendak menunjukkan “kemahirannya” pendeknya ada-ada sahaja yang baharu dikeluarkannya: samada baik atau kurang baik, sementelah pula oleh angkatan muda.

(4) Meminjam perkataan dagang dengan leluasa

Boleh jadi dari sebab itulah juga diambilnya perkataan dagang pula ke dalam perbendaharaan bahasanya akan jadi provisi baginya menganyam isi hatinya menjadi tubuh karangannya. Seorang sahabat saya telah bertanya kepada rakannya yang di Singapura mengapa maka ia suka memakai perkataan asing dengan leluasa sahaja, seperti **DISCUSSION**, **Serious**, **Harmonious**, **Proclamation**,

FACTOR, GENERATION, INTELLECTUAL

dan sebagainya itu. Padahal jikalau digantikan dengan “bicara, rundingan”, “war-war, pemasyhuran, pengumuman”, “bersetujuan, bertimbangan, bersajak, berpatutan, bertala-tala, serempak, seraksi, sepadan, sebahat, setara, semenggah”, “bersungguh-sungguh”, “sebab, perawis” “tapis, tenggang” “pelajaran berpelajaran” d.l.l. itu apa salahnya. Kemudian jawabnya dengan tersenyum bahawa ia hendak mengayakan bahasa Melayu.

Demi saya mendengar akan cerita sahabat saya itu maka saya pun mengeluh dan mengucap *astaghfiru Allāha al-‘azīm!* Rupa-rupanya begitulah hamba Allah itu “mengayakan” bahasanya. Tetapi pada pemandangan saya mengapa pula tiada diambilnya sekali perkataan-perkataan di dalam bahasa Barat itu, baik Inggeris, baik Latin, baik Belanda baik pun apa-apa bahasa? Maka itukah yang dinamakan memberi kaya bahasa?

Tetapi cubalah kita renung sebentar. Sungguhpun perkataannya berubah – misalnya cahaya itu dikatakan “nur” tetapi zat cahaya itu tetap seperti sediakala juga.

(5) Warna kejatian bahasa Melayu

Ya! Memang perubahan bahasa itu tiada menjadi salah. Sebab bahasa yang tetap seperti air bertakung itu tiada juga digemari orang. Kata Pendeta Za’ba di dalam kitab Ilmu Mengarang Melayunya:

“Memakai perkataan dagang itu bukannya tiada boleh langsung, bahkan boleh dan ialah suatu jalan bagi meluaskan sseuatu bahasa. Akan tetapi syaratnya hendaklah perkataan itu yang telah biasa terpakai pada orang ramai dengan tiada dipaksakan, serta cukup faham mereka akan

ertinya, dan bunyinya pun telah mengikut telor Melayu, ataupun hendaklah perkataan yang tentu sekali semua orang boleh mengerti maknanya dengan senang sebab selalu didengarnya.”

Pupuklah bahasa itu mengikut bawaan kehendak sendiri, tetapi di dalam pada itu satu sahaja perkara yang hendak kita beringat-ingat: jangan sampai jadi cacat dan hilang warna kejatian Melayunya.

Bacalah!

Florinda Puteri Sepanyol

Terjemahan: Abdullah Basmeh

“Florinda Puteri

Sepanyol” ialah sebuah cerita yang indah dan menarik, buah kalam Jurji Zaydan, pengarang Mesir yang terkenal.

Ikutilah bagaimana angkatan tentera Islam yang dipimpin oleh pahlawan Islam yang masyur – Tāriq bin Ziyād, menggempur tentera

Sepanyol dan menghancurkan leburkan pertahanannya.

Semenjak itu, Islam telah mendirikan kerajaan dan tamadun yang tinggi di Semenanjung Sepanyol dan berkekalan menyinari benua Eropah sepanjang masa delapan kurun.

2 penggal tamat. Sepenggal \$1.20

(Naskhah rumi: Sebuah \$3.00)

Pesanlah kepada penerbitnya:

Qalam, Singapura.



Ukurlah baju di badan sendiri! Menjadi

pak turut itu tiadalah baik kecuali pada perkara yang benar sahaja. Kalau diikuti-ikut gaya karangan dagang, nampaklah cacatnya, seperti itik hendak meniru-niru gaya ayam berjalan.

(6) Jangan melampaui batas

Kata hukama bahawa tiap-tiap sesuatu ada batas perjalanannya. Laut yang dalam ada hingganya, perjalanan masa lagi ada hadnya. Inikan pula kita manusia. Jikalau kita tiada membataskan perbuatan kita tiada juga baiknya. Sebab (pada adatnya) bermain pisau luka, bermain air basah, bermain api hangus. Maka pada perkara-perkara yang mengenai hukum syarak hal ini disebut bid'ah. Dengan hal yang demikian meminjam-minjam perkataan asing itu biarlah ada hadnya, ada hingganya – jangan melulu begitu sahaja sementara hendak mengembangkan bahasa. Kelak kalau kita terlebih lajak daripada laju maka orang yang empunya bahasa itu sendiri – orang Melayu – tiada akan merasai bahasanya itu sebat dengannya. Jika tiada sebat maka mana akan datang kasih? Oleh itu sukalah saya memberi ingat di sini. Bahawa pada masa sekarang ini ramai sangat orang-orang Melayu, istimewa pula yang sudah mendapat kelepasan universiti, mencuba hendak mendagangkan bahasa Melayu kepada anak-anak bangsanya sendiri iaitu dengan jalan mencampur adukkan kata-kata asing dengan leluasa ke dalam bahasa Melayu. Kalau tidak percaya bacalah sendiri di dalam setengah-setengah majalah bahasa yang hendak “meninggikan mutu bahasa Melayu” konon!

Sedegil-degil keldai, dipukul, disuruh, mengikut juga.

(7) Padahnya

Adapun padahnya perbuatan penulis-penulis itu tiadalah baik. Kesudahannya orang Melayu sendiri kurang faham lagi bahasa Melayu. Kemudian dikatakannya bahasa Melayu itu terlalu susah. Misalnya, bacalah sebuah karangan yang saya peturunkan di bawah ini:

“Untuk mempersoalkan sesuatu itu mestilah keluarnya dari kenyataan yang tulen, atau kenyataan yang sebenarnya, supaya apa yang diterima oleh akal masyarakat yang waras, lebih perlu dan lebih munasabah lagi kalau kita memperkatakan sesuatu itu terkeluarnya dari firman-firman Tuhan, hadith-hadith Nabi, pesanan-pesanan pujangga dan kata-kata bijak pandai. Begitulah kalau kita hendak memperkatakan soal wanita yang mana satu soal yang harus dikaji dengan seluas-luasnya bagaimana kehalusan budi pekerti wanita, bagaimana kehalusan kejadian wanita begitulah juga kehalusan pembicaraan wanita mahu

Sudah terbit!

Pengajian

KESAH PELAYARAN ABDULLAH MUNSHI

di-susun sa-mula oleh:

EDRUS

Harga \$ 2.50 sa-naskhah

tambah belanja pos (register) 40 sen

Di-chitak dan di-terbitkan oleh

QALAM

356/8, GEYLANG ROAD

SINGAPORE 14.

pun dari segi kewajipan tanggungjawab dan perjuangannya. Kita tak dapat menafikan akan sesuatu perjuangan, tanggungjawab dan kewajipan wanita untuk memberi nyawa di dalam masyarakat dan agama tak dapat diatasi dengan kehendak-kehendaknya, ini adalah berpunca dari tekanan-tekanan keadaan masa yang boleh menyebabkan kehendak dan kemahuan itu diatasi oleh perkara-perkara yang lain, sumber-sumber kenyataan ini adalah berhubung dengan fahaman lama (kolot) yang keterlaluan yang mana masih menjajah di jiwa ibu bapa buat membebaskan kongkongan dan pingitan anak gadis untuk menegakkan peri kewanitaannya di dalam penyaluran yang tidak terkeluar dari perikemanusiaan pada menyempurnakan tanggungjawab, kewajipan dan perjuangan dari segi keagamaan dan kemasyarakatan.

Kesedaran kaum wanita akan tertinggal jauh ke belakang sekiranya bahan-bahan untuk langkah yang mesti ditapak dengan secara halal mengikut kehendak-kehendak agama dan masyarakat masih di dalam pingitan. Memang benar seorang bapa juga ibu mempunyai hak yang penuh atas anak gadisnya, tetapi bukan bererti menguasai secara langsung, andainya seorang bapa menjaga anak gadisnya secara langsung mungkin lebih lagi buruk akibatnya, itu akan terjadi daripada seorang gadis yang keterlaluan bebas, cara-cara mengelakkan faham-faham yang lama ini mengikut fikiran kita adalah banyak sekali.”

Sungguhpun pengarang ini tiada meminjam perkataan-perkataan asing dengan bebas tetapi gaya karangannya bukan gaya Melayu. Tetapi karangan Inggeris yang memakai perkataan Melayu. Cacatnya sebab:



Buku-buku pengetahuan untuk kutubkhanah Maktab Perguruan Tanjung Malim, dalam gambar kelihatan Encik Muhammad Zain bin Rashid, Pengetua Maktab, sedang menerima 44 buah buku daripada Pengarah “USIS”, Tuan Kreisler.

- (a) Mengikut lenggang dan senjuh bahasa asing.
- (b) Ayat-ayatnya terlalu panjang.
- (t) Perkataan terlalu lebat. Kata Alexander Pope: Bahawa kata-kata itu laksana daun. Jikalau daun terlampau lebat, nescaya buahnya (maksudnya) sukar akan nampak.
- (th) Terlalu banyak memakai perkataan yang sama bunyi atau hampir-hampir sama bunyi berdekat-dekat.

Bersambung.

